

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD
BIN HAJI MASLAN [PONTIAN]**

TARIKH : 9 NOVEMBER (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan usaha serta insentif bagi membuka kawasan industri baru di luar bandar dan berikan bukti serta contoh kejayaan serta jumlah peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Usaha meningkatkan projek pelaburan yang seimbang dan inklusif di kawasan-kawasan luar bandar dan kurang membangun merupakan salah satu agenda utama Kerajaan dalam memastikan pembangunan ekonomi yang seimbang di seluruh negara dan menjana lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan.
2. Sehubungan itu, MITI melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah menawarkan Insentif Kawasan Kurang Membangun (*Less Developed Area Incentive – LDA Incentive*) dalam menarik pelaburan seperti berikut:
 - a) Pengecualian Cukai Pendapatan sebanyak 100% selama 15 tahun (5+5+5) bermula dari tahun syarikat menghasilkan pendapatan berkanun,
atau
Pengecualian Cukai Pendapatan bersamaan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan bagi tempoh 10 tahun (5+5). Elaun ini dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran;
 - b) Pengecualian duti setem ke atas surat cara perjanjian pemindahan atau pajakan tanah atau bangunan yang digunakan untuk pembangunan;
 - c) Pengecualian cukai pegangan ke atas royalti dan yuran teknikal ke atas bayaran kepada bukan pemastautin tidak lewat daripada 31 Disember 2020; dan
 - d) Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah, komponen, mesin, peralatan, alat ganti dan gunahabis yang tidak dikeluarkan dalam negara dan digunakan secara langsung dalam pengeluaran, tertakluk kepada polisi semasa di MIDA.

3. Sehingga September 2020, sebanyak 20 projek telah diluluskan di bawah insentif LDA dengan jumlah pelaburan keseluruhan sebanyak RM6.0 bilion. Projek-projek ini dijangka akan menyediakan sebanyak 3,289 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan seterusnya dapat membantu meningkatkan rantaian ekonomi tempatan. Di samping itu, ianya juga turut menggalakkan pembangunan infrastruktur dan logistik, selain meningkatkan usaha sama syarikat tempatan dengan syarikat asing bagi pembangunan industri dan pemindahan teknologi serta menggalakkan aktiviti hiliran untuk menghasilkan produk bernilai tambah tinggi.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Selain itu juga, MITI melalui MIDA bekerjasama erat dengan pihak kerajaan negeri dan agensi-agensi berkaitan bagi melipat gandakan usaha-usaha promosi pelaburan, termasuk dengan pihak berkuasa koridor seperti Wilayah Ekonomi Pantai Timur (negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang) dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (negeri Perak, Kedah dan Perlis).

5. Kerjasama erat ini berjaya membawa masuk pelaburan ke kawasan luar bandar. Bagi tempoh Januari hingga September 2020, sebanyak RM70.5 bilion pelaburan telah diluluskan dalam sektor perkilangan menerusi 740 projek. Projek-projek ini dijangka akan menjana sebanyak 51,172 peluang pekerjaan. Daripada jumlah keseluruhan ini, di antara negeri-negeri yang merekodkan jumlah pelaburan tertinggi dan peluang pekerjaan yang diluluskan adalah Sarawak dengan pelaburan sebanyak RM15.8 bilion dan 6,006 peluang pekerjaan. Ini diikuti oleh Sabah RM11.9 bilion (579 peluang pekerjaan), Pulau Pinang RM10.6 bilion (9,137 peluang pekerjaan), Pahang RM8.3 bilion (1,416 peluang pekerjaan), Selangor RM7.3 bilion (12,195 peluang pekerjaan) dan Johor RM5.7 bilion (10,107 peluang pekerjaan).

Sekian, terima kasih.